



UNTUK SIARAN SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

### Offspring mengukuhkan kedudukan di Timur Tengah dan Afrika

---

#### Key highlights:

- Menandatangani perjanjian pengedaran untuk memasarkan produk penjagaan kesihatan lestari Offspring di UAE, Arab Saudi dan Mesir
- Meluaskan jejak global ke 26 negara yang merangkumi empat benua

**KUALA LUMPUR, 22 MEI 2023** - Anak syarikat 'Sustainable Healthcare' SEDANIA Innovator Berhad ("SEDANIA"), Offspring Inc. Sdn. Bhd., ("Offspring") mengukuhkan kedudukannya di Timur Tengah dan benua Afrika setelah baru-baru ini memeterai perjanjian untuk mengedarkan produk Offspring di Emiriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi dan Mesir.

Ini menandakan tonggak pertumbuhan bagi Offspring kerana ia kini boleh mencapai pasaran yang lebih besar di rantau Timur Tengah selepas mencatatkan pertumbuhan menggalakkan dalam pasaran Timur Tengah sulungnya Bahrain sejak kemasukannya pada 2021.

Offspring mengukuhkan nama jenamanya di benua Afrika melalui pengembangannya ke Nigeria dan Togo pada 2022, dengan Mesir menjadi pasaran Afrika terbaharunya.

Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA Datuk Azrin Mohd Noor berkata, "Kami teruja dengan prospek Offspring di rantau Timur Tengah dan benua Afrika, didorong oleh kedudukannya sebagai jenama mesra alam dan berprestij yang boleh dikenal pasti oleh ibu bapa muda hari ini.

"Pasaran-pasaran baharu ini didorong oleh kuasa beli yang kukuh, saiz pasaran pengguna yang besar dan juga meningkatkan keterlihatan Offspring yang baik kepada seluruh dunia. UAE adalah hab perniagaan yang sibuk manakala Arab Saudi merupakan salah satu tapak ziarah yang paling banyak dikunjungi di dunia. Mesir adalah salah satu destinasi pelancongan yang paling pesat berkembang selain mempunyai antara populasi terbesar di dunia."



Datuk Azrin menambah bahawa UAE dan Arab Saudi adalah antara tiga puluh negara teratas dari segi pendapatan purata, manakala Mesir adalah antara dua puluh negara paling ramai penduduk di dunia dengan populasi kira-kira 109 juta dan kadar kesuburan 3.2 kelahiran bagi setiap wanita.

Rangkaian produk penjagaan kesihatan Australia Offspring yang premium dan lestari termasuk lampin bayi mesra alam, tisu basah terbiodegradasi sepenuhnya, keperluan penjagaan bayi dan produk isi rumah yang menggunakan bahan bukan toksik, organik dan berasaskan tumbuhan.

Selain sifat mesra alam dan organik produknya yang membantu mengurangkan pelepasan karbon, produk Offspring juga selamat dan lestari seperti yang dibuktikan oleh pelbagai pensijilan dan akreditasinya. Ini termasuk EcoCert, selamat alergi Australia (*Australian allergy-safe*), sijil FSC, serta bebas kekejaman dan tidak toksik.

Ketua Pegawai Eksekutif Offspring Roslan Ismail berkata, "Pengembangan terkini ini ke pasaran baharu meluaskan jejak global kami ke 26 negara secara keseluruhan dan menyerlahkan pengiktirafan jenama kami yang semakin meningkat sebagai jenama bayi pilihan yang lestari dan disukai ramai di beberapa benua.

"Setelah mengukuhkan kedudukan kami di lebih banyak negara, ruang besar untuk pertumbuhan dalam setiap pasaran ini secara serentak membuka banyak peluang untuk kami meningkatkan dan mempelbagaikan lagi jualan eksport kami merentasi pasaran geografi yang berbeza.

"Memandangkan prospek dari pengembangan ini kelihatan menjanjikan, inisiatif strategik kami untuk menembusi pasaran ini nampaknya wajar, terutamanya kerana produk kami bergema dengan baik dengan kadar kelahiran yang lebih tinggi dan masyarakat berpendapatan tinggi yang mengutamakan kelestarian."

- End -

\*\*\*\*\*

#### **Mengenai Offspring Inc Sdn Bhd**

Offspring Inc, unit 'Sustainable Healthcare' SEDANIA Innovator Berhad yang tersenarai di Bursa Malaysia, telah menjadi jenama produk bayi organik premium dan paling pesat berkembang, dengan lebih 170 SKU tersedia di lebih 25 negara merangkumi Amerika Syarikat, Eropah, Asia Tenggara dan juga Afrika melalui saluran jualan dalam talian dan kedai runcit terpilih.



Rangkaian produk penjagaan kesihatan pencegahan Australia yang lestari dan premium termasuk lampin bayi mesra alam, tisu basah terbiodegradasi, barangan keperluan penjagaan kulit organik, serta produk isi rumah yang menggunakan bahan berasaskan tumbuhan.

Selain produknya mesra alam dan berasaskan organik yang membantu mengurangkan pelepasan karbon, produk Offspring juga diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai selamat dan lestari. Ini disokong oleh pelbagai pensijilan dan akreditasinya termasuk EcoCert, bebas alahan Australia, sijil FSC, serta bebas kekejaman dan tidak bertoksik

Log masuk ke [www.offspringinc.com](http://www.offspringinc.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang produk penjagaan kesihatan mesra alam kami.

### **Mengenai SEDANIA Innovator Berhad**

SEDANIA Innovator Berhad ialah syarikat pemegang pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan lestari. Sejak penyertaannya pada 2015 di Pasaran ACE, Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan memupuk kehidupan yang lebih inklusif dan lestari untuk masyarakat.

SEDANIA membolehkan kelestarian untuk organisasi dengan melabur, membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui. Penyelesaian tenaga hijau SEDANIA telah menjimatkan lebih 76 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan korporatnya.

Bagi pengguna, SEDANIA menawarkan produk bayi organik premium yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 170 produk premium dan lestari buatan Australia dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui beberapa kedai runcit di lebih 25 negara di seluruh dunia.

Menerusi anak syarikatnya SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd, SEDANIA turut memainkan peranan dalam mempercepatkan penggunaan perbankan digital setelah memperkasakan hampir 95 institusi kewangan dengan pelbagai penyelesaian Fintech termasuk Platform Komoditi Digital berasaskan API yang dipatenkan. Selain itu, ia memperkasakan rangkuman kewangan dalam kalangan masyarakat melalui Program Pembiayaan GoHalal dan platform hibah digital lengkap yang memudahkan perancangan harta pusaka Islam.

Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari. Log masuk ke [www.sedaniainnovator.com](http://www.sedaniainnovator.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.



Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong / Darryl Louis De Souza

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620 / +6017 2407 881

Emel: [media@sedaniainnovator.com](mailto:media@sedaniainnovator.com)

